

RAZI YAAKOB

Sumbangan Tok Ku Paloh dalam Kegiatan Dakwah dan Pendidikan di Terengganu, Malaysia

IKHTISAR: Di Terengganu, Syeikh Abdul Malik berperanan sebagai penasihat kerajaan sewaktu pengasasan kesultanan Terengganu pertama. Keadaan ini diperkukuhkan lagi dengan kehadiran Syed Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus (Tok Ku Paloh) sewaktu pemerintahan Sultan Zainal Abidin III. Dengan menggunakan pendekatan sejarah, kertas ini menyorot kembali peranan Tok Ku Paloh dalam bidang dakwah dan pendidikan di Terengganu. Kegiatan Tok Ku Paloh dalam dakwah dan pendidikan berkait rapat dengan tarikat Naqsyabandiyah sebagai metodologi dalam pengajaran keagamaan. Usaha Tok Ku Paloh mendapat kerjasama sepenuhnya dari Tuanku Sultan. Hasil kerjasama erat Tok Ku Paloh dan Sultan menyebabkan institusi kesultanan dan Islam semakin kukuh. Sewaktu mereka berdua masih hidup, usaha British untuk campurtangan di Terengganu melalui Perjanjian Bangkok menghadapi kebuntuan. Umumnya, usaha Tok Ku Paloh bersama Baginda Sultan dalam kegiatan dakwah dan pendidikan berjaya memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan kedaulatan Islam dan Melayu terus terpelihara.

KATA KUNCI: Tok Ku Paloh, tarikat Naqsyabandiyah, kegiatan pendidikan dan dakwah, Sultan Terengganu, serta kedaulatan Islam dan Melayu.

ABSTRACT: "The Contribution of Tok Ku Paloh in Preaching and Education in Terengganu, Malaysia". In Terengganu, Sheikh Abdul Malik serves as a state adviser during the first founding of the Sultanate of Terengganu. This is reinforced by the presence of Syed Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus (Tok Ku Paloh) during the reign of Sultan Zainal Abidin III. With historical approaches, this paper highlights the activities of Tok Ku Paloh in preaching and education in the state of Terengganu. Tok Ku Paloh activities related to the Naqshabandiyya groups as religious teaching methodology. Tok Ku Paloh efforts get a full cooperation from His Majesty. The result of good collaboration between Tok Ku Paloh and the Sultan of Terengganu caused Islamic institutions in the state were strengthened and established. When both figures still existed, the British effort to intervention in Terengganu via Bangkok Agreement was deadlock. The efforts of Tok Ku Paloh with His Majesty, generally, in preaching and education have succeed in building the awareness among people on the sovereignties of Islam and Malay were continuously preserved.

KEY WORD: Tok Ku Paloh, mysticism of Naqshabandiyya, activities of preaching and education, Sultan of Terengganu, and sovereignties of Islam and Malay.

PENDAHULUAN

Tok Ku Paloh (Syed Abdul Rahman bin Syed Muhammad) merupakan seorang ulama terkenal Terengganu pada pertengahan kurun ke-19 M

(Masihi). Beliau dilahirkan di Kg (Kampung) Chabang Tiga, Kuala Terengganu pada tahun 1817 M. Ayahanda beliau ialah Tok Ku Tuan Besar, manakala ibunya ialah Nik

About the Author: Razi Yaakob ialah Pensyarah di Pusat Penataran Ilmu UniSZA (Universiti Sultan Zainal Abidin), Gong Badak, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi dengan nombor talifon: +6019984 4411 dan alamat emel: raziyaakob@unisza.edu.my

How to cite this article? Yaakob, Razi. (2014). "Sumbangan Tok Ku Paloh dalam Kegiatan Dakwah dan Pendidikan di Terengganu, Malaysia" in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Vol.2(2), September, pp.217-224. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808. Available online also at: <http://susurgalur-jksps.com/sumbangan-tok-ku-paloh/>

Chronicle of the article: Accepted (August 14, 2014); Revised (August 29, 2014); and Published (September 24, 2014).

Aminah. Adik-beradik beliau ialah Sayyid Zain, Syed Mustafa, Syed Ahmad, dan Syed Hassan.

Tok Ku Paloh mendapat pendidikan awal dari ayahnya sendiri. Beliau sempat berguru dengan Tok Sheikh Duyung, iaitu seorang ulama yang pernah menjadi Mufti kepada Sultan Omar (temubual dengan Syed Mustafa Syed Abdullah, 11/1/2002). Ketika berusia 11 tahun, Tok Ku Paloh dihantar keluarganya ke Kelantan untuk mendalami ilmu agama. Beliau menyambung pengajian di Mekah. Di sana, beliau mendalami ilmu-ilmu tafsir, hadist, tauhid dan tasawuf, serta bahasa Arab. Pendedahan kepada perkembangan bahawa pendidikan serta kehidupan di Tanah Arab banyak mempengaruhi pandangan sewaktu menyampaikan dakwah dalam masyarakat di Terengganu. Sekembalinya ke Tanah Air, Tok Ku Paloh mengajar di Masjid Chabang Tiga, Kuala Terengganu (Abu Bakar, t.th.:34-35).

Dalam pengajarannya, Tok Ku Paloh tidak mewujudkan sistem pengajian madrasah atau pondok, tetapi mengekalkan cara syarahan. Syarahan beliau berjaya menarik minat, bukan sahaja penduduk Terengganu, malah penduduk dari Kelantan, Pahang, dan Patani. Bidang-bidang pengajaran beliau yang merupakan ilmu yang sangat popular antaranya tasawuf, usuluddin, fikah, tafsir, hadist, dan bahasa Arab.

Tok Ku Paloh mengamal *Tariqat Naqshabandiyah*. Dari aspek peribadinya, Tok Ku Paloh seorang yang sangat lemah-lembut. Beliau sangat sabar dan tidak suka bercakap kasar terhadap orang ramai dan juga murid-muridnya. Tok Ku Paloh dikenali sebagai *Sheikh Ulama Paduka Indera*, iaitu gelaran tertinggi keagamaan sewaktu pemerintahan Sultan Omar.

Tok Ku Paloh meninggal dunia pada September 1917 M ketika berusia 100 tahun (Humphreys, 1919; dan

temubual dengan Syed Mustafa Syed Abdulah, 11/1/2002). Tok Ku Paloh meninggalkan beberapa orang zuriat, antaranya Syed Aqil. Seorang lagi anaknya, Syed Abu Bakar, mewarisi jawatan Tok Ku Paloh sebagai *Sheikhul Ulama* dan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri semasa pemerintahan Sultan Sulaiman. Manakala Syed Sagaf, dikatakan banyak mempunyai ilmu dunia dan akhirat, disamping seorang pendekar yang handal dan terkenal (*cf* Endut, 1970; dan Hasmah bt Tengku Chik, 1970).

HUBUNGAN TOK KU PALOH DENGAN INSTITUSI SOSIAL DAN ISTANA

Golongan *Syed* sangat berpengaruh dalam masyarakat Melayu. Mereka pintar berbicara serta mempunyai keperibadian yang unggul. Dengan adanya sifat-sifat dan keperibadian yang tinggi ini menyebabkan mereka berjaya mengembangkan pengaruh dan kuasa terhadap alam sosial dan politik di Tanah Melayu (Morley, 1949:165). Justeru, perkembangan Islam di Terengganu banyak bergantung kepada kegiatan ulama serta institusi pendidikan Islam yang diwujudkan. Sebagai tokoh masyarakat Melayu Islam yang berwibawa dalam bidang keagamaan, mereka menyumbangkan kepimpinan dalam *institutional linkages* antara golongan pemerintahan dengan golongan yang diperintah, terutama melalui pengendalian institusi pendidikan keagamaan, seperti masjid, surau, dan sekolah pondok (Abu Bakar, 1991b:216-217).

Keluarga Tok Ku Paloh mendapat tempat yang istimewa dalam masyarakat di Kg (Kampung) Paloh, Kuala Terengganu. Keturunan beliau mempunyai hubung-kait dengan keturunan Arab yang bergiat dan aktif menyampaikan dakwah (Gullick, 1956:139). Keluarga Al-Idrus mendapat perhatian dan sanjungan daripada masyarakat setempat, lebih-lebih lagi mereka dikatakan mempunyai leluhur daripada Nabi Muhammad SAW

(*Salallahu 'Alaihi Wassalam*).

Nasihat serta pandangan beliau sering dipatuhi serta menjadi tempat bagi mengadu dan menyelesaikan masalah. Perbuatan serta percakapan beliau meyakinkan ramai orang, termasuk kerabat Diraja. Beliau disediakan usungan (tandu) ketika hendak ke istana, atau ke tempat lain, sebagai satu penghormatan. Keluarga Al-Idrus mendapat sanjungan dalam masyarakat, apabila berlaku perkahwinan dengan kerabat Diraja Terengganu. Keadaan ini membuktikan penerimaan dan pengiktirafan masyarakat Melayu terhadap kemuliaan darjat kumpulan *Syed* (Winstedt, 1718:49-51).

Tok Ku Paloh berkahwin dengan kekanda Sultan Zainal Abidin III, iaitu Tengku Andak, tetapi dipercayai meninggal dunia di Mekah dan tidak dikurniakan zuriat (temubual dengan Syed Mustafa Syed Abdullah, 11/1/2002). Syed Mohd Zain berkahwin dengan Syarifah Fatimah, iaitu anak saudara Baginda Omar. Tok Ku Embung mengahwini anak saudara Sultan Zainal Abidin III, iaitu Engku Nong.

Kemesraan yang terjalin antara keluarga Tok Ku Paloh dengan pihak istana menyebabkan rumah beliau seringkali dikunjungi kerabat Diraja. Malah, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah pernah tinggal bersama-sama Tok Ku Paloh semasa kecilnya dan dijadikan anak angkat oleh Tok Ku Paloh. Disebabkan hubungan yang istimewa antara keluarga Tok Ku Paloh dengan kerabat Diraja Terengganu membawa kepada perubahan besar dalam sistem pentadbiran Terengganu. Cetusan idea Tok Ku Paloh membawa Terengganu kepada negeri yang bertaraf *Melayuwiyah-Islamiah*.

SUMBANGAN, KAEDAH, DAN PENDEKATAN PENGAJARAN TOK KU PALOH

Tok Ku Paloh (Syed Abdul Rahman bin Syed Muhammad) dianggap sebagai

seorang yang *makan nahu*, iaitu istilah yang digunakan kepada orang yang serba boleh, yang mahir dalam semua cabang ilmu agama (temubual dengan Syed Mustafa Syed Abdullah, 11/1/2002). Tok Ku Paloh terkenal kehebatannya dalam ilmu tasawuf. Sebuah kitab tasawuf tinggalan beliau, iaitu *Ma'rij al-Lahfān* [Tangga Orang-orang yang Dahaga untuk Naik kepada Hakikat-hakikat Pengenalan], seringkali menjadi rujukan para ilmuwan (Burhanuddin, 1971:8; dan Syed Muhammad, t.th.).

Kandungan kitab *Ma'rij al-Lahfān* ini banyak menghuraikan tentang amalan-amalan tasawuf dan usuluddin, serta mengenengahkan pengajaran yang lebih tinggi (Abu Bakar (1991a:181). Persoalan-persoalan falsafah dan metafizik hanya difahami dengan bimbingan guru. Berdasarkan kitab tersebut, Tok Ku Paloh mengamalkan *Tariqat Naqshabandiyah*. Oleh kerana ketinggian beliau dalam ilmu tasawuf, Tok Ku Paloh mencapai darjat *Al-Kashaf*. Orang-orang yang mendapat darjat ini dapat melihat perkara-perkara ghaib, mengetahui rahsia-rahsia yang tersembunyi, dan memecahkan segala perkara yang pelik (Al-Attas, 1963:16).

Antara murid-murid Tok Ku Paloh yang terkenal ialah Sultan Zainal Abidin III. Baginda sering berulang-alik dari istana ke rumah Tok Ku Paloh bagi mendapatkan ilmu (Salleh Haji Awang, t.th.:9). Tok Ku Paloh menganugerahkan ijazah kepada Baginda Sultan untuk mengajar. Murid-muridnya yang lain, seperti Haji Abdul Rahman Limbong, Tuk Janggut Patani, Haji Wan Embung Paloh, Haji Abdullah Chik Hok Patani, dan anak-anak Tok Ku Paloh (temubual dengan Syed Mustafa Syed Abdullah, 11/1/2002).

Tok Ku Paloh dilantik sebagai *Sheikhul Ulama*, iaitu ketua kepada ulama-ulama semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III. Jawatan ini diwarisi daripada ayahandanya serta berdasarkan keilmuan. Hasil daripada

dampingan Tok Ku Paloh dengan Sultan Zainal Abidin III telah menjadikan baginda seorang Sultan yang warak dan kuat berpegang kepada ajaran Islam sewaktu pemerintahannya.

Pada umumnya, Tok Ku Paloh menggunakan pelbagai kaedah atau metodologi dalam pengajarannya bagi menarik minat penduduk, contohnya seperti berikut:

Pertama, Kaedah Syarahan atau Ceramah. Tok Ku Paloh mengajar di Masjid Chabang Tiga, kemudian berpindah ke Kg (Kampung) Paloh (Abu Bakar, 1991a:180). Kg Paloh merupakan sebuah kampung di tepi sungai Terengganu dan terletak lebih-kurang 7 kilometer daripada Kuala Terengganu. Kawasan ini merupakan anugerah Sultan Zainal Abidin III kepada Tok Ku Paloh. Setelah membuka kawasan baru, Tok Ku Paloh memulakan membina rumah di samping sebuah surau dan dijadikan tempat memberi syarahan agama.

Pengajaran Tok Ku Paloh berdasarkan syarahan menarik minat pelajar, kerana mempunyai suara yang lantang dan nyaring. Terdapat penuntut luar Terengganu, termasuk Pahang. Mereka mendirikan pondok berhampiran dengan surau dan kesan-kesan rumah, seperti rumah panjang yang dibina masih ada hingga kini (temubual dengan Syed Mustafa Syed Abdullah, 11/1/2002). Melalui pengajaran, Tok Ku Paloh mengembangkan berbagai ilmu agama, seperti tafsir, hadist, fikah, tauhid, dan tasawuf. Namun begitu, beliau lebih menekankan kepada ilmu tasawuf berdasarkan kitab karangannya, iaitu *Ma'rij al-Lahfān* atau "Tangga Orang-orang yang Dahaga untuk Naik kepada Hakikat-hakikat Pengenalan" (Syed Muhammad, t.th.).

Kedua, Kaedah Penulisan. Dalam pengajaran, Tok Ku Paloh banyak dipengaruhi bapanya yang menghasilkan beberapa buah kitab, antaranya: *Targhib al-Sibyān fi Hifz*

'Aqāid al-Iman dan Diyā 'Uqūd al-Durratayn fi Tarjamat Kalimatayn al-Syahadatayn (Yusof, 1984:53). Hasil daripada pengaruh bapanya, Tok Ku Paloh berjaya menghasilkan buku karangannya sendiri yang berjudul *Ma'rij al-Lahfān* atau "Tangga Orang-orang yang Dahaga untuk Naik kepada Hakikat-hakikat Pengenalan" (Rumbah, 1980:3; dan Syed Muhammad, t.th.).

Dalam menghasilkan karya, Tok Ku Paloh berpendapat bahawa menjadi kewajipan ulama-ulama menghasilkan karangan dalam bidang kepakaran masing-masing (Abu Bakar, 1989:41; dan Syed Muhammad, t.th.). Malah, menurut Tok Ku Paloh, karangan usuluddin dan tasawuf adalah satu kewajipan dalam usaha menyebarkan ilmu pengetahuan, seperti katanya:

Kita, ulama, wajib atas setiap orang itu membawa akan *'itiqad*-nya kepada semua ulama dan menzahir akan dia mudah-mudahan jika tersalah dia, nescaya segera dia rujuk kepada yang sebenarnya; dan jika benar dia, nescaya ulama itu menjadi saksi atas benarnya di hadapan Allah (Abu Bakar, 1981:22; dan Syed Muhammad, t.th.).

Tok Ku Paloh merupakan seorang pemimpin *Tariqat Naqshabandiyah*. Dalam pengajarannya, beliau memperluaskan pengaruh *tariqat* tersebut kepada pelajarnya. Kitab-kitab tasawuf membicarakan tentang *tariqat* dengan mengambil pendekatan yang bermula daripada syariat, iaitu *syariat* membawa kepada *tariqat*, *tariqat* membawa kepada *hakikat*, seterusnya *hakikat* membawa kepada *ma'rifat* (al-Kamshakhanawi, 1287 H:75). Pendekatan yang dilakukan oleh Tok Ku Paloh ialah melalui jalan *tauhid*, jalan *ma'rifat*, jalan *tariqat*, dan jalan *hakikat* (Syed Muhammad, t.th.:8).

Terdapat perbezaan antara pendekatan Tok Ku Paloh dengan kitab-kitab umum tasawuf yang lain. Pendekatan yang pertama pada umumnya adalah pendekatan *syari'at*, tetapi bagi Tok Ku Paloh ialah

pendekatan *tauhid*. Peringkat kedua lazimnya adalah *tariqat*, bagi Tok Ku Paloh pula ialah *ma'rifat*. Peringkat ketiga melalui *tariqat*, kemudian barulah *hakikat*, pada lazimnya kitab-kitab umum yang lain berada di peringkat kedua dan ketiga. Kelainan ini adalah disebabkan Tok Ku Paloh tidak terikat dengan pendekatan tasawuf semata-mata, tetapi juga melihatnya daripada sudut *tauhid*.

Ketiga, Kaedah Sosial. Dalam struktur masyarakat Melayu di Kg (Kampung) Paloh, keluarga Al-Idrus menduduki tempat yang istimewa. Keadaan ini dihubungkan dengan peranan mereka dalam bidang keagamaan, sehingga keluarga keturunan Arab diberi penghormatan yang tinggi (Gullick, 1956:139). Tok ku Paloh menjalin hubungan yang erat antara penduduk setempat. Beliau mempunyai hubungan yang erat dengan golongan muda.

Tok ku Paloh sering mendekati golongan muda melalui cara keluar pada waktu malam dan sering mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan golongan tersebut (temubual dengan Haji Zainal bin Haji Long, 23/3/2003). Tok ku Paloh pula terlibat dalam sektor pertanian, iaitu menanam pokok cengkik dan sayur-sayuran, serta gemar menternak. Kebanyakan hasilnya diderma untuk pembangunan penduduk setempat, selain daripada punca pendapatan hariannya (Abu Bakar, 1991c:97).

Mengenai pendekatan pengajian dan pengajaran agama yang diamalkan oleh Tok Ku Paloh, mengikut peringkat, adalah: (1) pendekatan peringkat *tauhid*, (2) pendekatan peringkat *ma'rifat*, (3) pendekatan peringkat *tariqat*, dan (4) pendekatan peringkat *hakikat*. Penjelasannya adalah seperti berikut:

Pertama, Pendekatan Peringkat Tauhid. Bagi Tok Ku Paloh, *tauhid* yang sempurna ialah meng-*iktiqad*-kan ke-Esa-an Allah pada Zat-Nya, Sifat-Nya, dan 'Af'-Nya atau Perbuatan-Nya

(Syed Muhammad, t.th.:6). Sesiapa yang ingin menuju jalan *ma'rifat*, perlu membersihkan pegangan *tauhid*-nya dan menghindarkan diri daripada perkara-perkara *syirik* yang boleh terkeluar daripada alam kesejahteraan dan terjerumus ke alam keburukan atau kejahatan. Bagi Tok Ku Paloh pula, mendalami ilmu *tauhid* merupakan satu *mi'rāj* atau perjalanan (cf Qasem, 1975; dan Syed Muhammad, t.th.).

Makam Mi'rāj (kedudukan perjalanan) terbahagi kepada dua, iaitu: (1) *Mi'rāj* daripada alam *syahadah* atau alam nyata kepada alam *ghaib*, iaitu melahirkan ketaatan zahir dan membersihkan dirinya daripada segala bentuk yang boleh menangkis segala sifat '*ubudiyah*'; dan (2) *Mi'rāj* daripada alam *ghaib* kepada *ghaib al-ghaib*, iaitu berpindah roh daripada bergantung dengan Allah (Syed Muhammad, t.th.).

Keterangan Tok Ku Paloh tentang alam nyata dan alam *ghaib* adalah hasil daripada pengaruh doktrin kosmologi. Menurut kosmologi, kosmos atau alam semesta ini mengandungi dua bahagian, iaitu makro kosmos dan mikro kosmos, atau alam *ghaib* dan alam nyata (Rahman Abdullah, 1984:27-28). Konsep Tok Ku Paloh dalam kitabnya *Ma'rīj al-Lahfān* [Tangga Orang-orang yang Dahaga untuk Naik kepada Hakikat-hakikat Pengenalan], meletakkan peringkat tertinggi dalam *Mi'rāj* apabila bersatunya hamba dengan pencipta, iaitu Tuhan (Syed Muhammad, t.th.).

Bagi Tok Ku Paloh pula, kalimah *tauhid*, iaitu "*Lā ilāha ilāllah*" terkandung di dalamnya segala ilmu. Kalimah ini menegaskan tentang meng-Esa-kan Allah dengan yakin, mengetahui tentang *ithbāt* (penetapan), dan penafian daripada selain Allah hingga ke peringkat penglihatan secara rohani akan *jamal* (kecantikan), *jalal* (ketinggian) Allah, serta berhajatnya makhluk kepada Allah sekalian alam (Syed Muhammad, t.th.:8).

Tok Ku Paloh mempunyai pemikiran

yang hampir sama dengan pemikiran tasawuf Tuan Jabal daripada Kelantan, seperti yang terkandung dalam kitabnya, *Jala' al-Qulub* (Uthman al-Muhammady, 1982:246-256). Tok Ku Paloh mengajar doktrin merealisasikan wujud *hakiki* dihubungkan dengan Allah semata-mata. Selain daripada Allah hanya mempunyai wujud *majazi*, bukan *hakiki*. Ketepatan merealisasikan *hakikat* ini dalam pengalaman rohaniah, maka seseorang itu sedar dengan sebenarnya *hakikat* ke-Esa-an Allah, seperti yang terkandung dalam kalimah “*Lā ilaha ilāllah*” (Syed Muhammad, t.th.).

Dalam usaha membersihkan hati pula perlulah melalui beberapa amalan, iaitu menjauhi sifat-sifat syaitan (keji) dan menggantikannya dengan sifat-sifat malaikat (terpuji). Bagi ber-*tariqat*, ahli tasawuf hendaklah melalui tiga pendekatan, iaitu: (1) mengosongkan diri daripada sifat-sifat tercela dan menjauhi larangan-Nya atau *takhāllī*; (2) menghiasi diri dengan sifat terpuji dengan jalan ta'at, dengan cara melakukan perintah-Nya atau *tahāllī*; dan (3) meresapkan rasa agama, pengalaman batin, dan melengkapkan jiwa agama atau *tajāllī* (Muhammad al-Kalabadhi, 1960:406).

Melalui pembahagian martabat iman, Tok Ku Paloh mengambil pendapat daripada Ibnu Arabi. Tok Ku Paloh membahagikan peringkat iman kepada lima bahagian, iaitu: iman dengan *dalīl*, iman dengan *syuhud al-Hāq*, iman *musyahādah*, iman orang yang *fanā'* atau biasa, dan iman *taqlīd* (Syed Muhammad, t.th.:14).

Kedua, Pendekatan Peringkat Ma'rifat. Pendekatan yang dilakukan Tok Ku Paloh dalam bidang ini telah dikombinasikan dengan ilmu *usuluddin* dan ilmu *tasawuf*. Menurut Tok Ku Paloh, *ma'rifat* dalam kalangan imam-imam *usuluddin* ialah mengetahui akan Allah dengan sifat-sifat-Nya yang *zat* dan *ma'nawi*-Nya (Muhammad Taib,

1393 H:29-30).

Berdasarkan ilmu *tasawuf*, Tok Ku Paloh membicarakan persoalan manusia tidak mungkin mengenali *zat* Allah; tetapi sebaliknya, hendaklah memikirkan tentang makhluk ciptaan Allah. Tok Ku Paloh membicarakan tentang konsep diri, dengan memetik sebuah *Hadist*, iaitu: “*Sesiapa yang mengenal dirinya, maka sesungguhnya dia mengenal Tuhannya*” (Syed Muhammad, t.th.). Bagi Tok Ku Paloh pula, *Hadist* ini membahaskan tentang nyawa dan roh. Kedua-dua aspek *usuluddin* dan *tasawuf*, yang dibicarakan oleh Tok Ku Paloh, terkandung dalam kalimah *syahadah*.

Menurut Tok Ku Paloh, terdapat empat martabat dalam ber-*tauhid*, iaitu: (1) Orang yang berkata dengan lidahnya, tetapi tiada dalam hatinya, maka makna dan hakikatnya ialah martabat orang *munaḥik*; (2) Orang yang berkata dengan lidahnya dan ada pada hatinya, maka makna dan hakikatnya ialah martabat orang *mukmin*; (3) Orang yang berkata dengan lidahnya, ada pada rohnya, maka makna dan hakikatnya ialah martabat *auliya'*; dan (4) Orang yang berkata dengan lidahnya dan ada pada *sirr*-nya, maka makna dan hakikatnya ialah martabat orang yang mencapai *mukashaf* (Syed Muhammad, t.th.).

Secara ringkasnya, kesempurnaan *tauhid* bergantung kepada kesempurnaan amalan *syari'at*, yang terkandung dalam *rukun* Islam dan khususnya dalam kalimah *syahadah*.

Ketiga, Pendekatan Peringkat Tariqat. *Tariqat* yang dianjurkan Tok Ku Paloh ialah *Naqshabandiyah*. Menurut beliau, dalam ber-*tariqat* terdapat adab-adabnya yang tersendiri dan dibahagikan kepada empat fasal, iaitu: adab murid, adab guru, adab zikir dan kaifatnya, serta ustaz *tariqat Naqshabandiyah* (Rumbah, 1980:3). *Tariqat* yang dianjurkan oleh Tok Ku Paloh ini hendaklah melalui empat

martabat, iaitu: *taba'at*, *istiqamah*, ber-*tahdhib* (melatih diri supaya tidak banyak bercakap), dan menghampirkan diri kepada Allah (Syed Muhammad, t.th.).

Tok Ku Paloh berpendapat bahawa semua *tariqat*, khususnya *tariqat Naqshabandiyah*, melalui Al-Junaid sehingga Saidina Ali; dan terdapat juga melalui Abu Yazid al-Bistami dan terus kepada Saidina Ali (Syed Muhammad, t.th.:85). Malah Tok Ku Paloh menyusungalurkan rangkaian *salsilah Naqshabandiyah* yang diterima melalui gurunya, iaitu Saidi Muhammad Mazhar al-Ahmadi dan terus kepada Rasulullah (Syed Muhammad, t.th.:86).

Keempat, Pendekatan Peringkat Hakikat. Peringkat ini merupakan peringkat yang terakhir daripada pengajaran Tok Ku Paloh. Beliau tidak memberi ulasan dan huraian yang mendalam terhadap peringkat ini, kerana terlebih dahulu meninggal dunia. Dalam karangan beliau, *Ma'rij al-Lahfan* [Tangga Orang-orang yang Dahaga untuk Naik kepada Hakikat-hakikat Pengenalan], hanya terdapat catatan ayat seperti berikut:

(اعلم ان الحقيقة باطن كل شئ)

Bermaksud: "Ketahuilah bahawasanya hakikat itu adalah batin bagi sesuatu" (Syed Muhammad, t.th.).

Dalam susunan ilmu tasawuf, peringkat *hakikat* ini adalah peringkat yang terdekat dengan *ma'rifat*. *Hakikat* merupakan makna yang berhubung dengan hati dan peringkat yang terdedah dengan perkara-perkara yang *ghaib* (cf Al-Hamdani, 1972; dan Yasin, 1980). *Hakikat* ini juga merupakan pemberian daripada Allah. Menurut Tok Ku Paloh lagi, melalui *hakikat* inilah yang dapat meningkatkan kebajikan dan ketaatan seseorang terhadap Allah (al-Kamshakhanawi, 1287 H:75; dan Syed Muhammad, t.th.:87).

KESIMPULAN ¹

Kesan daripada pengajian dan pengajaran yang diorientasikan oleh Tok Ku Paloh (Syed Abdul Rahman bin Syed Muhammad), khususnya dalam bidang tasawuf, meletakkan beliau sebagai seorang tokoh yang istimewa. Beliau merupakan pencetus dan penyemai perjuangan nasionalisme terhadap kolonialisme British (Abu Bakar, 1991d). Naungan ulama bukan sahaja berjaya mengukir sejarah sebagai sebuah pemerintahan yang berorientasikan Islam, tetapi juga mampu membendung pengaruh Barat yang merebak di Tanah Melayu.

Negeri Terengganu merupakan negeri yang paling akhir menerima Residen British, hasil daripada nasihat dan pandangan Tok Ku Paloh pada masa itu, yang bertindak sebagai Penasihat Sultan Zainal Abidin III (Humphreys, 1919). Kedudukan sosialnya sebagai ulama dan hubungannya yang rapat dengan pemerintah, khususnya dengan Sultan, menjadikannya sebagai tokoh yang berpengaruh dalam masyarakat Terengganu. Sikap anti penjajahan tergambar dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu 1911 dan Tok Ku Paloh merupakan salah seorang yang bertanggungjawab menyusun undang-undang tersebut. Peranan beliau amat dikagumi oleh penduduk tempatan sehingga kini.

Pengaruh Tok Ku Paloh bukan sahaja kerana beliau dilahirkan daripada keturunan keluarga *Syed*, tetapi juga ketokohan dan keperibadiannya. Ketinggian ilmu agama yang dimiliki meletakkan beliau sebagai salah seorang ulama yang berpengaruh

¹Saya merakamkan berbilang terima kasih kepada Nawi @ Mohd Nawi Ismail, Ph.D. selaku Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah UMK (Universiti Malaysia Kelantan); dan kepada Hamdan Aziz, Ph.D. selaku Pensyarah Kanan di Jabatan Kenegaraan dan Peradaban, Pusat Pendidikan Asas dan Liberal UMT (Universiti Malaysia Terengganu) di atas sokongan dan penyeliaan kepada saya untuk menulis artikel ini. Walau bagaimanapun, semua kandungan dan pentafsiran dalam artikel ini menjadi tanggung jawab akademik saya secara persendirian.

terhadap masyarakat dan golongan istana pada masa itu. Jelas kepada kita, Tok Ku Paloh layak digelar sebagai “Ikon Pembentuk Masyarakat Madani”.

Bibliografi

- Abu Bakar, Mohamad. (1981). “Riwayat Hidup Tok Ku Paloh: Anakanda Tok Ku Tuan Besar” dalam *Cenderamata Memperingati Tokoh Ulama Silam ke VI*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Abu Bakar, Shafie. (1989). “Perkembangan Keilmuan dan Kesedaran Keislaman di Terengganu” dalam *PESAKA, V: Lembaga Muzium Terengganu*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Abu Bakar, Muhammad. (1991a). *Ulama’ dan Umara’: Tok Ku Paloh dan Pemerintahan Islam*. Kuala Terengganu: Utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd.
- Abu Bakar, Shafie. (1991b). “Peranan Ulama dan Kesannya terhadap Sikap Anti Penjajah dengan Rujukan kepada Pengajaran Tasawuf Sayyed Abdul Rahman bin Muhammad (Tok Ku Paloh) Berasaskan Karangannya *Ma’rij al-Lahfan*” dalam JKKJS-UKM [Jawatan Kuasa Kolonium Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia] [ed]. *Masyarakat Melayu Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abu Bakar, Mohd Shafie. (1991c). “Sejarah Perkembangan dan Pengaruh Pemikiran Ulama-ulama Silam dalam Kehidupan Masyarakat Terengganu di Alam Melayu”. *Kertas kerja* dibenteng dalam Seminar Islam di Terengganu.
- Abu Bakar, Mohamad. (1991d). *Ulama Terengganu*. Kuala Terengganu: Utusan Publication dan Distributor Sdn Bhd.
- Abu Bakar, Mohamed. (t.th.). *Sayyid Abdul Rahman Muhammad al-Idrus: Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: PSM [Persatuan Sejarah Malaysia].
- Al-Attas, Syed Naquib. (1963). *Some Aspects of Sufism as Understood and Practised among the Malays*. Singapore: Malaysian Socio Logical Research Institute Ltd.
- Al-Hamdani, S.A. (1972). *Sanggahan terhadap Tasawwuf dan Ahli Sufi*. Bandung, Indonesia: Penerbit P.T. Al-Ma’arif.
- al-Kamshakhanawi, Ahmad. (1287 H). *Jami’ al-Usul fi al-Awliya*. Mesir: Al-Matbaat al-‘Amirat al-Wahabiyat.
- Burhanuddin. (1971). *Simposium Tasawuf dan Sharifat*. Pulau Pinang: Terbitan Maktab Al-Haji Abdullah bin Mohd Nordin al-Rawi.
- Endut, Mohamad. (1970). “Penderhakaan di Ulu Terengganu, 1928”. *Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah UM [Universiti Malaya].
- Gullick, J.M. (1956). *Indigeneous Political Systems of Western Malaya*. London: t.p.
- Hasmah bt Tengku Chik, Tengku. (1970). “Ugama dan Kepercayaan di Kampung Manir, Kuala Terengganu”. *Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan*. Jabatan Kuala Lumpur: Pengajian Melayu UM [Universiti Malaya].
- Humphreys, J.L. (1919). *The Annual Report of the British Agent*. Terengganu: t.p.
- Morley, I.A.E. (1949). “The Arabi and Gaster Trade” dalam *JMBRAS: Journal of the Malaysia Branch Royal Asiatic Society*, Vol.22, Part I.
- Muhammad al-Kalabadhi, Abu Bakar. (1960). *Al-Ta’ruf lil Madhab al-Tasawuf*. Kaherah, Mesir: Isa al-Halabi.
- Muhammad Taib, Hussein Nasir. (1393 H). *Usul al-Tauhid*. Pulau Pinang: The United Press.
- Qasem, Abul. (1975). *The Ethics of Al-Ghazali*. Kuala Lumpur: t.p.
- Rahman Abdullah, Abdul. (1984). “Pemikiran Islam Tradisional di Nusantara”. *Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan*. Bangi: Jabatan Sejarah UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Rumbah, Haji Yahya. (1980). *Risalah Tariqat Naqshabandiyah: Jalan Ma’rifat*. Kajang: t.p.
- Salleh Haji Awang, Tuan Haji Mohd. (t.th.). *Mengkaji Sejarah Terengganu*, Jilid III. Kuala Terengganu: t.p.
- Syed Muhammad, Syed Abdul Rahman bin. (t.th.). *Ma’rij al-Lahfan*. Kuala Terengganu: t.p.
- Temubual dengan Haji Zainal bin Haji Long, penduduk Kampung Paloh, pada 23 Mac 2003 di Terengganu, Malaysia.
- Temubual dengan Syed Mustafa Syed Abdullah, cucu daripada Tok Ku Paloh, pada 11 Januari 2002 di Kuala Terengganu, Malaysia.
- Uthman al-Muhammady, Muhammad. (1982). *Peradaban dalam Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Winstedt, R.O. (1718). “The Hadramaut Sayyids of Perak and Siak” dalam *JMBRAS: Journal of the Malaysia Branch Royal Asiatic Society*, Vol.78. Singapore: MBRAS.
- Yasin, M. Sulaiman. (1980). *Mengenai Ilmu Tasawuf*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Yusof, Mohamad. (1984). “Sayid Abdul Rahman Sayid Muhammad (Tok Ku Paloh)” dalam *Malaysia dari Segi Sejarah*, Bil.13.